



Info

## Bucheon, Kota Sastera UNESCO pertama dari Asia

- **Bucheon** ialah kota ke-21 yang diiktiraf sebagai Kota Sastera Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (UNESCO)
- **Bermula 2004**, rangkaian itu kini mempunyai 180 ahli dari 72 negara, merangkumi tujuh bidang kreatif, iaitu kraf tangan dan seni rakyat, reka bentuk, filem, gastronomi, sastera, muzik dan seni media.
- **Negara pertama** dinobatkan Kota Sastera UNESCO ialah Edinburgh, Scotland pada 2004; diikuti Melbourne, Australia (2008) dan Iowa City (2008).

*Pemilihan Bucheon sebagai Kota Sastera menjadi sebahagian program Rangkaian Bandar Kreatif bagi memupuk kepelbagaian budaya.*

# Bucheon bandar ilmu mesra sastera

➔ Pengiktirafan UNESCO bukan sekelip mata, sebaliknya ada asas kuat dan budaya kental

Oleh Hafizah Iszahanid  
hafiza@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Pemilihan Bucheon, bandar di Wilayah Gyeonggi Korea Selatan sebagai Kota Sastera oleh Pertubuhan Kebudayaan, Saintifik dan Pendidikan Perubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) dianggap sangat tepat. Bukan hanya status bandar Asia pertama mendapat pengiktirafan sedemikian, bahkan persekitaran Bucheon mendukung budaya ilmu dan tabiat membaca.

Profesor di Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies, Dr Lim Kim Hui, berkata berdasarkan pemerhatian dan pengalaman tinggal di Korea Selatan, umumnya mereka sangat menghargai khazanah ilmu merangkumi budaya, sastera dan kesenian.

“Mereka suka mempromosi dan memasyarakatkan budaya, sastera serta kesenian kepada masyarakat tempatan mahupun dunia luar.

“Hampir setiap akhir minggu diadakan sesuatu acara atau festival

bertemakan budaya Korea seperti festival kimchi, hanbok (pakaian tradisional Korea), lampion/tanglung dan topeng.

### Gerakan sekolah malam

“Pemilihannya sebagai kota sastera bukan sekelip mata. Di situlah, gerakan sekolah malam yang paling aktif di Korea bermula dekad 1970-an dalam kalangan pekerja kilang yang tidak dapat melanjutkan pengajian mereka,” katanya kepada *Sastera & Budaya BH* di sini.

Tegas Kim Hui, gerakan sekolah malam dilahirkan daripada keinginan pekerja kilang untuk terus belajar, manakala Bucheon pula simbol bandar yang menerapkan semangat dan falsafah pembelajaran atau pendidikan boleh mengubah kehidupan.

“Sejarah sekolah malam dan tradisi pembelajaran sepanjang hayat akhirnya meletakkan asas kepada perkembangan Bucheon sebagai kota sastera.

“Letaknya hanya 30 hingga 40 minit dari Seoul, Bucheon kini mempunyai beberapa universiti seperti Universiti Bucheon dan Universiti Yuhan, selain diangkat menjadi kota pendidikan, kota budaya dan kota sastera,” katanya.

### Tumpu pendidikan

Katanya, banyak yang boleh dipelajari Malaysia daripada Bucheon dan Korea Selatan seperti memberi perhatian serius kepada pendidikan tanpa tertumpu kawasan bandar dengan pembabitan swasta dan kerajaan tempatan.

“Orang Korea mempunyai budaya kerja bersungguh-sungguh



Pemilihannya sebagai kota sastera bukan sekelip mata. Di situlah, gerakan sekolah malam yang paling aktif di Korea bermula dekad 1970-an dalam kalangan pekerja kilang yang tidak dapat melanjutkan pengajian mereka”

**Dr Lim Kim Hui,**  
*Profesor di Jabatan Pengajian Melayu-Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies*

dalam mencapai hasrat mereka, bukan hangat-hangat tali ayam.

“Bucheon sudah lama melaburkan usaha mengaktifkan rangkaian perpustakaan, menggiatkan kegiatan sastera dan seni demi merealisasikan usaha mendapatkan pengiktirafan UNESCO,” katanya.

### Terjemah karya dunia

Sementara itu, penulis yang juga pelajar doktor falsafah sastera bandingan Melayu-Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies, Ummu Hani Abu Hassan, berkata budaya membaca dan sastera di Korea Selatan berkembang dengan baik, manakala kegiatan penterjemahan sangat giat dijalankan.

“Misalnya di universiti tempat saya menuntut ini sudah dikenali sejak 60 tahun dahulu sebagai universiti mengajar bahasa dunia.

“Ada lebih 40 bahasa diajar yang tenaga pengajarnya adalah orang Korea sendiri. Mereka bukan hanya mengajar, bahkan menterjemah buku dunia ke bahasa Korea termasuk bahasa Arab, Jerman, Perancis, dan Melayu,” katanya.

Beliau berkata, Korea Selatan giat mempromosi bahasa dan buku ke bahasa utama dunia seperti majalah budaya dan sastera Korea Selatan, *Koreana* diterbitkan dalam 10 bahasa dan disebarkan secara percuma di negara luar melalui kerjasama universiti dan negara.

### Kota mesra sastera

“Misalnya saya tahu mengenai seorang profesor yang pakar dalam bahasa Melayu Indonesia menterjemahkan buku Indonesia ke bahasa Korea dan menyebarkan juga

karya asal Korea yang sudah diterjemah ke bahasa Indonesia.

“Pemilihan sebagai kota sastera terbaru UNESCO sangat tepat dengan bandar ini yang mesra sastera dan melahirkan ramai pengarang yang baik, selain meraikan pelbagai acara seperti Festival Sen Boksagol dan festival sastera besar, Festival Kesusasteraan Suju.

Festival Kesusasteraan Suju diadakan memperingati perintis puisi baharu Korea, Byun Yeongro atau nama penanya Suju, selain Festival Pearl Buck bagi memperingati Penerima Hadiah Nobel Kesusasteraan, Pearl S Buck yang mengasaskan rumah anak yatim di Bucheon pada era peperangan dan menulis novel tentang Korea.

### Gerakan bersendirian rencatkan promosi

Sementara itu, Ketua Bahagian Promosi dan Pengiktirafan, Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Aminah Awang Basar, berkata Malaysia secara rasmi mengumumkan akan membida Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020.

“DBP, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggerakkan inisiatif ke arah menjayakannya.

“Dalam dunia global abad ke-21, gerakan bersendirian tanpa kombinasi kerjasama dengan pihak lain akan memperlahankan dan merencatkan gerakan mempromosi sastera Malaysia ke khalayak dunia” katanya